

TARIKH: 6/8/23
SURAT Khabar: Sinar Ahad
MUKA SURAT: 33

Sinar Ahad MS 33
6/8/23
NASIONAL 33

Kadar pengangguran negara dijangka turun

Susulan usaha kerajaan bawa masuk pelabur asing, buka peluang pekerjaan

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
KEPALA BATAS

Kadar pengangguran negara dijangka dapat diturunkan kepada 2.5 peratus pada suku pertama tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkembangan positif itu berikutan usaha kerajaan membawa masuk pelabur asing berteknologi tinggi, sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat di negara ini.

Menurutnya, kadar pengangguran negara pada suku pertama tahun ini mencatatkan 3.5 peratus berbanding 4.1 peratus bagi tempoh sama tahun lalu.

"Saya yakin pada suku pertama tahun depan, kadar pengangguran ini dapat turun lagi kepada 2.5 peratus.

"Apa yang dilakukan ini adalah kerana mendukung fikrah Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) untuk kita (kerajaan) menoktahkan kemiskinan rakyat dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak termasuk kursus keusahawanan," katanya ketika berucap selepas merasmikan Karnival Kerjaya MyFutureJobs bersama Majlis Hal Ehwal Wanita dan Keluarga UMNO (HAWA) di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dan Pengerusi HAWA, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Tambah Ahmad Zahid, pihak industri perlu lebih banyak membuka peluang pe-



Ahmad Zahid (depan, kiri) menyampaikan bantuan faedah Perkeso kepada salah seorang pencarum pada Karnival Kerjaya MyFutureJobs bersama HAWA di Kepala Batas pada Sabtu.

kerjaan kepada wanita berikutan peratusan tenaga kerja bagi golongan berkenaan dilihat masih rendah.

"Guna tenaga kerja wanita dalam pekerjaan ketika ini hanya 62.5 peratus dan diharap Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama HAWA dapat memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada golongan tersebut, dimulai dengan latihan-latihan keterampilan atau latihan kemahiran.

"Kita sudah tubuhkan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia) untuk wanita. Saya minta sasaran melatih 15,000 wanita ditingkatkan kepada 150,000 wanita seluruh negara agar golongan ini diberi banyak peluang dalam industri pekerjaan, tidak hanya bidang domestik tetapi turut berkaitan teknologi tinggi," katanya.